

24/07/2000

MAHA 2000 lebih meriah

KUALA LUMPUR, Ahad - Pameran Agro Pelancongan, Hortikultur, dan Pertanian Malaysia 2000 (MAHA 2000) berjaya menarik semua lapisan masyarakat berikutan kepelbagaian produk dan teknologi pertanian yang dipamerkan.

Tinjauan Berita Harian hari ini mendapati kebanyakan pengunjung melahirkan rasa puas hati dan kagum dengan pelbagai barangan terutama teknologi pertanian yang ditunjukkan kali ini.

Suri rumah, Maimunah Mahmud, 38, berkata pameran kali ini lebih meriah berbanding tahun lalu kerana lebih banyak pihak mengambil bahagian.

"Pameran itu bukan saja memberi peluang kepada orang ramai melihat pelbagai jenis produk pertanian, tetapi menyaksikan sendiri teknologi terkini dalam bidang pemprosesan makanan.

"Pameran seumpama ini seharusnya diadakan setiap tahun bagi meningkatkan semangat pihak yang terbabit dalam sektor pertanian dan penternakan," katanya ketika ditemui di MAHA 2000 di Stadium Putra Bukit Jalil, dekat sini hari ini.

Pameran sembilan hari yang bermula semalam, menghimpunkan pelbagai produk, teknologi dalam bidang pertanian dan penternakan dari dalam dan luar negara.

MAHA 2000 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam adalah landasan bagi menilai prestasi peladang, penternak dan nelayan dalam usaha meningkatkan sektor pertanian negara.

Antara yang dipamerkan termasuk pelbagai baka kacukan lembu dan kambing dari luar negara, rusa, burung unta, ayam serama serta haiwan peliharaan seperti kucing, anjing dan arnab.

Pameran yang bertemakan Ke Arah Industri Pertanian Yang Berdaya Saing itu turut mempamerkan teknologi, peralatan, hasil penyelidikan bioteknologi, benih, buah-buahan, herba, sayur-sayuran dan pokok.

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Mohamad Danial Yusof, 27, menyifatkan pameran itu sebagai medan terbaik mengumpulkan teknologi terkini dalam industri pertanian.

"Apa yang menarik ia juga turut mempamerkan produk dan ternakan yang jarang dapat dilihat," katanya.

Pelajar Tahun Satu, Harris Fadilah Abdullah, berkata beliau gembira kerana dapat melihat haiwan yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

"Saya selalu melihat burung unta dan kambing di televisyen, tetapi hari ini saya dapat melihat di depan mata saya. Saya rasa seronok," katanya.

Kakitangan swasta, Saidatul Akmar Mohd Yusof, 35, berkata walaupun beliau kagum dengan produk yang dipamerkan itu, beliau agak kesal kerana kebanyakan barangan yang dijual terutama makanan agak mahal.

"Sudahlah masuk dan tempat letak kereta kena bayar dan makanan serta minuman dijual mahal, ini akan membebankan jika membawa keluarga yang ramai," katanya.

(END)